



قَسِيَاتُ الرَّبِّ اِبُو بَاقُم كَوْرُو

PERSATUAN IBU BAPA & GURU
SEKOLAH MENENGAH AGAMA AI-KHAIRIAH

28000 Temerloh, Pahang Darul Makmur. ☎ 09 2961282



Rujukan kami : Bil. (34) dlm. PIBGSMMAKT 8474/09
Tarikh : 29 FEBRUARI 2018

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh

Semua Ibu / Bapa / Penjaga dan Ahli PIBG SMA AI-Khairiah,

YBhg. Datuk / Dato' Sri / Datin Sri / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**SURAT PEKELILING PIBG BIL. 1/2018
PENGUATKUASAAN LARANGAN MEMBAWA DAN MENGGUNAKAN TELEFON BIMBIT OLEH PELAJAR
DI SMA AL-KHAIRIAH, TEMERLOH.**

Jawatankuasa PIBG dan Jawatankuasa Disiplin SMA Al-Khairiah yang bermesyuarat pada 28 Februari 2018 yang lalu mendapati bahawa larangan membawa dan menggunakan telefon bimbit oleh pelajar-pelajar SMA Al-Khairiah masih belum dikuatkuasakan sepenuhnya.

2. Akibat daripada itu, pelbagai masalah disiplin seperti kecurian, pergaduhan serta penyebaran bahan-bahan maklumat yang boleh mempengaruhi pelakuan yang negatif dalam kalangan pelajar yang berkaitan terus dengan penggunaan telefon bimbit kian meningkat. Di samping itu juga, penggunaan telefon bimbit oleh pelajar telah mengganggu kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) mereka.

3. Sehubungan itu, PIBG dan pentadbiran SMA Al-Khairiah telah bersetuju sebulat suara untuk membuat ketetapan agar larangan penggunaan telefon bimbit oleh pelajar di dalam kawasan sekolah termasuk asrama sekolah hendaklah dikuatkuasakan sepenuhnya dengan **SERTA MERTA**. Bagi menguatkuasakan larangan tersebut, langkah-langkah berikut akan diambil ;

- 3.1. *Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)* dan pihak sekolah sama sekali **TIDAK MEMBENARKAN** membawa dan menggunakan telefon bimbit ke sekolah ini. Jika sekiranya larangan ini tidak dipatuhi atau didapati engkar dan didapati tertangkap, telefon bimbit terbabit akan diambil dan disimpan oleh pihak sekolah.
- 3.2. Ibu bapa serta penjaga akan dimaklumkan bahawa mereka boleh menuntut.
- 3.3. Semua telefon bimbit yang diambil oleh pihak sekolah akan direkodkan dan disimpan di tempat yang selamat oleh pihak sekolah. Rekod kes akan mengandungi maklumat ;
 - 3.3.1 Tarikh, masa dan tempat telefon bimbit diambil;
 - 3.3.2 Jenis telefon bimbit yang diambil;
 - 3.3.3 Nama pelajar, no. kad pengenalan dan tandatangan mereka;
 - 3.3.4 Nama guru yang mengambil telefon bimbit tersebut;
 - 3.3.5 Nama ibu/bapa, no.kad pengenalan, tarikh, masa serta tandatangan ketika mengambil semula telefon bimbit anak-anak mereka;
 - 3.3.6 Keadaan telefon bimbit ketika diambil oleh pihak sekolah dipastikan dulu sama ada telah rosak atau sebaliknya;



- 3.3.7 Dikenakan denda sebanyak RM 100.00;
 - 3.3.8 Dituntut oleh ibu / bapa atau penjaga sahaja;
 - 3.3.9 Dituntut pada hujung tahun iaitu pada hari akhir persekolahan;
- 3.4 Ibu bapa serta penjaga pelajar yang terlibat akan dimaklum dengan segera sebaik-baiknya pada hari yang sama tindakan yang telah diambil kepada anak mereka.
- 3.5 Ibu bapa juga boleh menuntut semula telefon bimbit anak mereka daripada simpanan sekolah.
4. Oleh itu, PIBG meminta agar semua ibu bapa/ penjaga dapat memberikan kerjasama dan komitmen dalam menjayakan pelaksanaan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak PIBG dan pihak sekolah.

Sekian, untuk makluman dan tindakan pihak tuan / puan. terima kasih.

Saya yang menjalankan tugas,

.....
(HASSANUDDIN BIN SALIM)
Yang Dipertua,
Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG),
Sekolah Menengah Agama Al-Khairiah,
28000 Temerloh.

